

# Golongan muda Kelantan perlu tolak Pas

Um - 21/5/2007

KOTA BHARU 20 Mei - Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin mengajak golongan muda di negeri ini menolak Pas pada pilihan raya umum akan datang ekoran kegagalan parti itu mewujudkan peluang ekonomi sepanjang 17 tahun memerintah Kelantan.

Beliau berkata, Pas sebaliknya lebih banyak memberikan peluang ekonomi kepada warga asing dan bukannya rakyat negeri ini seperti yang berlaku di kawasan tanah tinggi Lojing.

Menurut Khairy, tiga konsesi balak di kawasan itu diberikan kepada rakyat Singapura.

Katanya, isu kegagalan Pas menguruskan kerajaan negeri dengan baik akan diberi penekanan oleh UMNO kepada para pengundi muda supaya mereka dapat

membuat satu ketetapan bagi menentukan masa depan Kelantan.

"Jangan bagi lagi undi kepada kerajaan yang sanggup menggadaikan masa depan dan khazanah alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari di rumah Pemangku Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Datuk Mohd. Fatmi Che Salleh di sini hari ini.

Beliau juga menambah, kerajaan negeri Kelantan gagal menjelaskan isu Lojing kepada rakyat secara yang memuaskan.

Katanya, tindakan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang masih mem-bisu dalam isu itu turut dikesali.

Khairy berkata, Nik Aziz sebaliknya me-nyerahkan kepada Pengerusi Jawatankua-sa Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekono-mi dan Pembangunan Masyarakat negeri,

Datuk Husam Musa untuk menjawab isu Lojing.

"Apa kena-mengena Husam dengan kes ini? Mana Menteri Besar, mana Timbalan Menteri Besar? Exco Alam Sekitar sendiri tidak berkata apa-apa. Kenapa Husam yang bercakap semua ini, adakah dia kawal negeri?"

## Jawatankuasa

Sementara itu, Khairy turut mengingatkan pihak-pihak tertentu supaya tidak memutarbelitkan fakta berhubung penu-buhan jawatankuasa khas peringkat men-teri Malaysia-Singapura khusus untuk Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor kerana jawatankuasa itu hanya ber-

tindak sebagai penyelaras urusan logis-tik.

Beliau berkata, jawatankuasa bersama peringkat menteri itu jelas tidak ada ke-na-mengena dalam menentukan bentuk pembangunan di WPI kerana kawasan WPI adalah hak negara ini.

Katanya, tidak timbul soal Malaysia per-lu meminta pendapat atau keizinan Singa-pura dalam menentukan pembangunan di WPI seperti mana yang cuba digambarkan oleh sesetengah pihak.

"Perkara ini sebenarnya telah dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul-lah Ahmad Badawi bahawa ia hanya jawa-tankuasa kerja berkaitan soal logistik iaitu memudahkan urusan keluar masuk dari Singapura ke Johor dan aliran trafik," katanya.